



**MESYUARAT JAWATANKUASA AKADEMIK PENGAJIAN SISWAZAH UNIVERSITI (JAPSU)
BIL 06 / 2019/2020**

TARIKH : 25 FEBRUARI 2020 (SELASA)
MASA : 9.00 PAGI
TEMPAT : i) **BILIK MESYUARAT 3, ARAS 3 SPS, UTM JB**
 ii) **BILIK MESYUARAT SPSKL, TINGKAT 8, MENARA RAZAK, UTM KL**

BIL KEHADIRAN	FAKULTI/JABATAN	S/K
1. Prof. Madya Dr. Noor Hazarina binti Hashim	Sekolah Pengajian Siswazah (Pengerusi)	6/6
2. Prof. Dr. Nazri bin Ali	Sekolah Pengajian Siswazah	4/6
3. Dr. Norah binti Md Noor	Sekolah Pengajian Siswazah	6/6
4. Prof. Madya Dr. Siti Sophiayati binti Yuhaniz	Sekolah Pengajian Siswazah (UTMKL)	6/6
5. En. Asram bin Sulaiman @Saim	Fakulti Kejuruteraan	6/6
6. En. Nasir bin Othman	Fakulti Teknologi dan Informatik RAZAK (FTIR)	6/6
7. En. Zurik Azaham bin Aris	Malaysian-Japan International Institute of Technology (MJIIT)	5/6
8. Pn. Khairani binti Ibrahim	Pejabat Pendaftar Akademik UTM (UTM ARO)	5/6
9. Cik Radiatul Hadaviyah binti Ramlan	Azman Hashim Business School (AHIBSKL)	6/6
10. En. Abdul Jalil bin Maulani	Fakulti Alam Bina dan Ukur (FABU)	5/6
11. En. Syazli bin Md Tahir	UTM International (UTMI)	6/6
12. Cik Hazlina binti Stam	Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan (FSSK)	6/6
13. Pn. Nor Qamariah binti Othman	Azman Hashim Business School (AHIBSJB)	6/6
14. Puan Norharyani binti Hamid	Azman Hashim Business School (AHIBSKL)	6/6
15. Pn. Nurul Ain binti Mohd. Yunos	Fakulti Teknologi dan Informatik RAZAK (FTIR)	4/6
16. Pn. Intan Shahnaz binti Zulkifli	Bahagian Pengurusan Akademik (AMD)	5/6
17. Pn. Intan Najwa binti Mohamed	Bahagian Kemasukan dan Pengambilan (SRAD)	4/6
18. En. Mohd Zaires bin Md Daris	Sekolah Pengajian Siswazah	6/6
19. Pn. Farahana binti Ahmad	Sekolah Pengajian Siswazah (UTMKL)	5/6

BIL	TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)	FAKULTI/JABATAN	S/K
1.	Prof. Madya Dr. Siti Zaleha binti Abdul Rasid	Sekolah Pengajian Siswazah (UTMKL)	2/5
2.	Prof. Madya Dr. Kassim bin Jalil	Bahagian Kemasukan &Pengambilan (SRAD)	0/6
3.	En. Khairull Azmi bin Ishak	Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan (FSSH)	0/2
4.	Pn. Hj. Nor Azlinda binti Abu Bakar	Fakulti Sains	4/5
5.	Pn. Nurun Nazrah binti Ahmad	Fakulti Alam Bina dan Ukur (FABU)	5/5
6.	Pn. Syahida Fadilla binti Mokhtar	Fakulti Sains (FS)	5/5
7.	Pn. Nurazlyna binti Mohamad Marjid	Fakulti Kejuruteraan	3/5

BIL	TURUT HADIR	FAKULTI/JABATAN
1.	Prof. Madya Dr. Sharidan bin Shafie	Fakulti Sains (FS)
2.	Prof. Madya Dr. Aznizam bin Abu Bakar	Sekolah Kejuruteraan Kimia dan Kejuruteraan Tenaga (SKT)
3.	Prof Madya Dr. Mohamed Afendi Mohamed Piah	Sekolah Kejuruteraan Elektrik (SKE)
4.	Prof. Madya Dr. Suhaimi bin Abu Bakar/Md. Ramli	Sekolah Kejuruteraan Awam (SKA)
5.	Prof. Madya Sr.Dr. Razali bin Abdul Hamid	Fakulti Alam Bina dan Ukur (FABU)
6.	Dr. Aizreena bt Azaman	Sekolah Kejuruteraan Bioperubatan dan Sains Kesihatan (SKBME)
7.	Prof. Madya Dr. Ahmad Baharuddin bin Abd. Rahman	Sekolah Kejuruteraan Awam(SKA)
8.	Dr. Dewi Fariha binti Abdullah	Azman Hashim Business School (AHBSJB)
9.	Prof. Madya Dr. Nor Azwadi bin Che Sidik	Malaysia-Japan International Institute of Technology (MJIIT)
10.	Dr. Mohamed Sukri bin Mat Ali	Malaysia-Japan International Institute of Technology (MJIIT)
11.	Cik Norazlina binti Azizi	Urus setia
12.	Pn. Masliana binti Khalid	Urus setia
13.	Cik Nor Anies binti Tilun	Urus setia
14.	Pn. Julianah binti Samion	Urus setia
15.	Pn. Noraliza binti Tasiran	Urus setia

1.0 ALUAN Pengerusi

Pengerusi memulakan mesyuarat dengan Al- Fatimah dan mengucapkan terima kasih kepada ahli yang telah hadir untuk mesyuarat pada kali ini. Seterusnya beliau menyampaikan pesanan berkenaan perkara-perkara berikut:

1.1 Statistik Graduan & GOT PhD

Pengerusi membentangkan jumlah graduan PhD untuk bulan Februari 2020 adalah seramai 65 dan graduan yang mendapat GOT adalah seramai 30 graduan. Jumlah keseluruhan graduan PhD sehingga Februari adalah seramai 112 graduan. Pengerusi meminta agar fakulti mengekalkan momentum ini.

Makluman : Semua

1.2 Statistik Graduan dan GOT Sarjana

Jumlah graduan Sarjana untuk bulan Februari 2020 adalah seramai 24 sarjana penyelidikan dan sehingga kini jumlah keseluruhan graduan adalah seramai 52 dan graduan GOT adalah seramai 3.

Makluman : Semua

1.3 Sasaran fakulti

Pengerusi membentangkan dan mengingatkan lagi pada mesyuarat ini sasaran graduan bagi setiap fakulti dan memohon agar ahli mesyuarat membawa pembentangan sasaran ini di peringkat JKA fakulti bagi memastikan sasaran yang telah ditetapkan dapat dicapai oleh semua fakulti.

Tindakan : Semua Fakulti

1.4 Pengurusan peperiksaan lisan

1.4.1 Larangan Penggunaan Telefon dan Rakaman Suara/Video/Gambar

Pengerusi memaklumkan bahawa beliau menerima komen berkenaan penggunaan telefon di dalam sesi peperiksaan lisan terutamanya untuk tujuan rakaman suara/video/gambar. Sehubungan dengan itu, Pengerusi mengingatkan kepada semua berkenaan larangan penggunaan telefon semasa proses viva dan rakaman suara/video / gambar adalah tidak dibenarkan. Penilai perlu mematikan telefon atau di dalam mod senyap. Pengerusi juga mengingatkan agar semua panel menjaga kerahsiaan semasa peperiksaan lisan dijalankan.

Tindakan : Semua Fakulti

1.4.2 Prosedur dan Tatacara Pengendalian Peperiksaan Lisan

Pengerusi memaklumkan dan mengingatkan ahli mesyuarat tentang prosedur dan tatacara berikut sepanjang pengendalian peperiksaan lisan:

- i. Pengerusi perlu menyemak laporan yang disediakan oleh pembantu pengerusi. Pastikan laporan disediakan dalam ayat yang lengkap, jelas dan sempurna.
- ii. Pengerusi perlu membacakan laporan yang disediakan tersebut kepada panel dan pelajar.
- iii. Pihak sekolah menerusi JKAS/JKAF perlu menyemak samada penilai yang dilantik tidak mempunyai rekod penerbitan bersama dengan penilai dalam/luar tersebut.

Terdapat pertanyaan berkaitan melaksanakan penerbitan bersama dengan pihak berkepentingan yang ada kaitan dengan penilaian/ peperiksaan tesis mereka selepas selesai sesi VIVA. Mesyuarat dimaklumkan bahawa Pejabat TNCA (A&A) memutuskan agar pelajar yang telah melalui proses viva tidak dibenarkan membuat penerbitan bersama dengan pihak-pihak yang berkepentingan yang ada kaitan dengan penilaian/peperiksaan tesis mereka. . Ini merupakan tanggungjawab penyelia agar peka dengan perkara ini bagi memastikan tiada sebarang konflik yang berlaku.

Tindakan : Semua Fakulti

- 1.4.3 Pihak SPS akan membuat Audit Pengurusan VIVA ke beberapa fakulti yang terpilih dalam masa terdekat. Berikut adalah merupakan cadangan tarikh audit. Sebarang perubahan atau masalah berkaitan pengauditan ini perlu dimaklumkan kepada pihak urus setia.

9 Mac 2020	-	FABU
10Mac 2020	-	FK
11Mac 2020	-	AHIBS

Tindakan : SPS dan Fakulti

1.5 Kelulusan Pindaan Pada Pelaksanaan Penganugerahan Ijazah Lebih Rendah Bagi Program Ijazah Doktor Falsafah Dan Doktor Falsafah Fast Track

Pengerusi memaklumkan bahawa pindaan ini telah diluluskan oleh Senat pada 29 Januari 2020 yang lalu berdasarkan perkara berikut:

- i. Laporan panel auditor hasil dari lawatan Audit Pengekalan SwaAkreditasi bagi UTM telah dijalankan pada 22 & 23 Oktober 2018 (UTM Johor) dan pada 25 Oktober 2018 di UTM Kuala Lumpur.
- ii. Surat siar MQA Bil. 3/2019 bertarikh 17 Julai 2019 berkaitan Penambahbaikan Terhadap Standard: Ijazah Sarjana dan Kedoktoran daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).
- iii. Hanya 3 universiti yang menganugerahkan ijazah lebih rendah dan salah satunya adalah UTM. Panel auditor telah menegur dan meminta pihak UTM membuat semakan adakah ianya mematuhi MQF.

Pindaan yang telah diluluskan adalah berikut:

- 1.5.1 Pelajar PhD yang tidak menepati piawaian dan kualiti untuk dianugerahkan PhD akan diberi keputusan “D” semasa peperiksaan lisannya. Pelajar disarankan untuk mendaftar sebagai pelajar Sarjana Penyelidikan dan layak menghantar tesis selepas 12 bulan memulakan pengajian di peringkat Sarjana tersebut. Pelajar boleh dan dibenarkan mengekalkan topik kajian, memperbaiki tesis berdasarkan komen yang diterima dari pemeriksa dan menggunakan penerbitan yang sama (semasa PhD) ketika menghantar tesis sarjana. Pelajar juga dibenarkan membuat pindah kredit bagi matapelajaran kursus umum dan kaedah penyelidikan. Pelajar perlu mendaftar sebagai pelajar sarjana selewat-lewatnya dalam tempoh sebulan dari tarikh peperiksaan lisan tadi. Sekiranya tidak mendaftar dalam tempoh tersebut, Universiti boleh memperakukan kedudukan “GAGAL DAN DITAMATKAN PENGAJIAN” kepada pelajar. Pekeliling terbaru berkenaan perkara ini adalah sepertimana Pekeliling Akademik SPS bil 1/2020.
- 1.5.2 Pelajar Program Doktor Falsafah secara ‘Fast Track’ perlu melalui penilaian kelayakan “Fast Track” selepas 6 bulan sehingga 18 bulan pendaftaran. Keputusan dari penilaian ini akan menentukan samada pelajar akan meneruskan pengajian di peringkat PhD atau ditukarkan ke Program Sarjana Penyelidikan. Sekiranya ditukarkan ke Program Sarjana Penyelidikan tempoh pengajian akan dikira semula sebagai tempoh pengajian baharu. Cadangan ini terpakai kepada pelajar yang mendaftar sebagai calon Doktor Falsafah “Fast Track” bermula semester 2 2019/2020.
- 1.5.3 Implikasi berkaitan pindaan ini, kemaskini perlu dibuat pada Peraturan Akademik Pengajian Siswazah, borang pemeriksaan tesis, borang pengerusi peperiksaan lisan dan borang pengerusi bagi ujian kelayakan PhD *Fast Track*.

Tindakan : SPS & Fakulti

1.6 Pindaan Peraturan Akademik Pengajian Siswazah 2020

1.6.1 Terjemahan Bahasa Inggeris

Pengerusi memaklumkan bahawa Peraturan Akademik Pengajian Siswazah yang baharu telah dimuat naik di laman web SPS. Peraturan Akademik yang baharu ini mempunyai terjemahannya di dalam Bahasa Inggeris. Semua ahli mesyuarat boleh merujuk dan mendapatkan yang terkini melalui laman web tersebut.

Makluman : Semua

1.6.2 Pelaksanaan Program Secara Mod Pembelajaran Terbuka Dan Jarak Jauh (ODL)

Pengerusi memaklumkan terdapat pembaharuan dan penambahan di dalam bagi perkara berikut:

1.6.2.1 **Perkara 7(b)&(c): Pertukaran Program Pengajian, Bentuk Pendaftaran dan Mod Pengajian seperti berikut:**

SEDIA ADA	CADANGAN PINDAAN
Pelajar boleh memohon untuk menukar jenis pengajian daripada kerja kursus kepada kerja kursus dan penyelidikan atau penyelidikan sepenuhnya serta sebaliknya	(b) Pelajar boleh memohon untuk menukar jenis pengajian daripada Kerja Kursus kepada Kerja Kursus & Penyelidikan atau Penyelidikan sepenuhnya serta sebaliknya. (c) Pelajar boleh memohon untuk menukar mod penyampaian dari mod penyampaian bersemuka kepada pembelajaran secara terbuka dan jarak jauh (ODL).

Makluman : Semua

1.6.2.2 **Perkara 9(1)(b): Kehadiran**

SEDIA ADA	CADANGAN PINDAAN
Tiada	Pelajar yang mengikuti program menerusi mod pembelajaran secara terbuka dan jarak jauh (ODL) adalah tidak tertakluk kepada kehadiran secara fizikal ke kelas dan peperiksaan. Bagi tujuan pemantauan, pelajar perlu mencapai sekurang-kurangnya 20% penglibatan dalam aktiviti sesuatu kursus yang ditetapkan pada pertengahan sesuatu semester. Pelajar yang tidak mencapai peratus penglibatan yang dinyatakan, boleh dicadangkan menarik diri dari sesuatu kursus. Pada minggu ke 14, penglibatan pelajar mestilah telah mencapai sekurang-kurangnya 80%. Pelajar yang tidak memenuhi peratus penglibatan ini boleh dihalang daripada menduduki peperiksaan akhir atau penilaian sumatif yang selari dengan peperiksaan akhir. Penglibatan pelajar dikira dari dari aspek pelaksanaan dalam melaksanakan tugas mingguan, membuat latihan dan mengakses bahan pembelajaran sendiri yang telah ditetapkan oleh pensyarah.

Makluman : Semua

1.6.3 **Peruntukan Berkaitan Dengan Pelajar OKU**

Pengerusi memaklumkan peruntukan berkaitan pelajar OKU seperti berikut:

Sejajar dengan pelaksanaan Dasar Inklusif Orang Kurang Upaya (OKU) di Institusi Pendidikan Tinggi oleh KPM, Sekolah Pengajian Siswazah telah mengambilkira dengan memperuntukan lima perkara berkaitan OKU ini di dalam Peraturan Akademik Pengajian Siswazah UTM.

Tambahan klausa dibuat pada Perkara 25(1) sehingga 25(5) yang meliputi:

- a) Takrifan Pelajar Kurang Upaya,
- b) Tempoh Pengajian,
- c) Pedagogi,
- d) Pentaksiran, dan;
- e) Khidmat Sokongan

Makluman : Semua

1.7 KAI dan Semakan Kurikulum

Pengerusi membentangkan KAI Universiti di mana keutamaan bagi Pejabat TNCA (A&A) adalah 100% semakan kurikulum bagi Pra siswazah dan Pascasiswazah. Pengerusi meminta fakulti yang masih belum membuat semakan kurikulum agar dapat berbuat demikian dengan kadar yang segera.

Pemantauan akan dibuat oleh pihak SPS kerana pelaporan perlu dibuat di peringkat Jawatankuasa Eksekutif TNCA (A&A) setiap bulan.

Fakulti perlu melaporkan dalam setiap JAPSU perkembangan semakan kurikulum ini. Semua kurikulum ini didasarkan untuk diselesaikan penghantaran kertas kerja di Senat pada September 2020.

Makluman : Semua

1.8 Program Pesisir & Program Khas

Pengerusi memaklumkan sehingga terkini seramai 29 pelajar yang mendaftar dibawah ODL. Berikut merupakan tarikh-tarikh kursus Remote Supervision bagi Kaedah Penyelidikan dan Kursus Umum Universiti yang akan dilaksanakan oleh Unit Program Pesisir & Program Khas:

- i. Sosial Sains (JB & KL) 18-22 Julai 2021
- ii. Kejuruteraan dan Sains & Teknologi (JB & KL) 18-22 Julai 2021
- iii. Kursus Umum Universiti (JB & KL) 25-29 Julai 2021

Makluman : Semua

1.9 Laporan Graduate Assistantship (GA) Dan Biasiswazah

1.9.1 Seramai 7 orang sahaja pelajar yang memohon GA. Tarikh akhir pencalonan GA daripada Fakulti: 3 Mac 2020 (Selasa) dan lantikan berdasarkan "*first come, first served basis*" bagi pelajar baharu kemasukan 2019/2020-2 sahaja.

1.9.2 Bagi biasiswa National Postgraduate Fund (NPF) dan International Doctoral Fund (IDF) dibuka tarikh dari 23 Februari 2020 sehingga 8 Mac 2020. Biasiswa IDF dikurangkan kepada RM2000 sahaja kerana pihak Universiti ingin mengurangkan subsidi kepada pelajar

antarabangsa.

Makluman : Semua

1.10 Penangguhan Pengajian

Timbalan Pendaftar Kanan Fakulti Kejuruteraan membangkitkan isu berkaitan tempoh maksimum penangguhan pengajian atas sebab kesihatan dan atas sebab peribadi.

Pengerusi memaklumkan dengan merujuk Peraturan Akademik Pengajian Siswazah perkara 21(1) bahawa penangguhan pengajian atas sebab kesihatan, tempoh maksimumnya adalah 4 semester dan bagi setiap permohonan penangguhan hanya dibenarkan 2 semester sahaja. Pelajar boleh memohon untuk menyambung penangguhan jika perlu dan tertakluk kepada maksimum 4 semester tersebut. Manakala penangguhan atas sebab-sebab peribadi, pelajar tidak dibenarkan penangguhan selama 2 semester berturut-turut. Pelajar boleh menangguh lagi selepas mendaftar tertakluk kepada jumlah maksimum semester pengajian.

Makluman : Semua

2.0 MELULUSKAN MINIT MESYUARAT JAPSU BIL 05 / 2019/2020

Minit mesyuarat diluluskan dengan sebulat suara berdasarkan pindaan / pembetulan seperti berikut:

1. Pembetulan kehadiran UTMJB.

Makluman : Semua

3.0 LAPORAN BAHAGIAN REKRUTMEN & PENGAMBILAN MAHASISWA (SRAD)

Wakil SRAD, Pn Najwa bt Mohamed membentangkan laporan bagi Bahagian Rekrutmen & Pengambilan Mahasiswa (SRAD) seperti berikut:

- 3.1 Sehingga 1 Januari hingga Februari 2020 pengambilan pelajar adalah seramai 588 pelajar tempatan dan 350 antaranabangsa yang menjumlahkan seramai 938 pelajar.
- 3.2 Statistik daftar pascasiswazah mengikut fakulti/sekolah bagi antarabangsa seramai 350 pelajar dan tempatan seramai 588 yang tertinggi adalah dari AHIBS.
- 3.3 Statistik pelajar pascasiswazah mengikut klasifikasi program

Klasifikasi Program	Bilangan
Mainstream Programme	573
Offshore Programme	104
Open Distance Learning	29
Program Eksekutif	23
Special Programme	209
Jumlah	938

Makluman : Semua

4.0 PERAKUAN PELANTIKAN PEMERIKSA TESIS PELAJAR DOKTOR FALSAFAH (PhD) - NOTIS HANTAR TESIS (NHT)

4.1 FAKULTI KEJURUTERAAN

Mesyuarat telah memperakukan pelantikan pemeriksa tesis pelajar Doktor Falsafah bagi sekolah seperti berikut:

4.1.1 SEKOLAH KEJURUTERAAN AWAM

NO	NAMA PELAJAR	NO MATRIK
1	NURUL SA'DAH BINTI BAHAR	PKA163006
2	SALAM RIDHA OLEIWI AL-ETBA	PKA153041

4.1.2 SEKOLAH KEJURUTERAAN ELEKTRIK

NO	NAMA PELAJAR	NO MATRIK
1	DANA DEHGHANI	PKE143014
2	ZARIS IZZATI BINTI MOHD YASSIN	PKE143043

4.1.3 SEKOLAH KEJURUTERAAN BIOOPERUBATAN & SAINS KESIHATAN

NO	NAMA PELAJAR	NO MATRIK
1	NURUL FARHA BINTI ZAINUDDIN	PMB163018

4.1.4 SEKOLAH KEJURUTERAAN KIMIA & KEJURUTERAAN TENAGA

NO	NAMA PELAJAR	NO MATRIK
1	AZAD ANUGERAH BIN ALI RASOL	PKP153014
2	AZNI BINTI A.AZIZ	PK133045
3	DAYANG NORAFIZAN BINTI AWANG CHEE	PKK173021
4	LAI YEE QING	PKK173006
5	LEE WENG FOO	PK133041
6	MOHD SYAHLAN BIN MOHD SYUKRI	PKK163063
7	MUHAMMAD RAZIF BIN RAMLAN	PK133042
8	RAFEQAH BINTI RASLAN	PKK163006
9	SITI MARDHIAH BINTI MOHD ANUAR	PY123003
10	SITI MARSILAWATI BINTI MOHAMED ESIVAN	PK123065
11	TAI ZHONG SHENG	PKK163049
12	TEH UBAlDAH BT NOH	PKK143036

4.1.5 SEKOLAH KEJURUTERAAN MEKANIKAL

NO	NAMA PELAJAR	NO MATRIK
----	--------------	-----------

1	CHUKWUEKEZIE CHRISTIAN SUNDAY	PM113081
2	NURHANNA BINTI MOHD ZAIDAN	PM113131

4.1.6 SEKOLAH KOMPUTERAN

NO	NAMA PELAJAR	NO MATRIK
1	ALIYU MOHAMMED ABALI	PC133078
2	AMMAR MOHAMMED ALI AL-QADASI	PC123058
3	CHE SAMIAH BINTI CHE DALIM	PCS143022
4	ERNIE MAZUIN BINTI MOHD YUSOF	PCS153006
5	IBRAHIM FALAH HASAN MOHAMMED	PCS163043
6	MOHD RASHDAN BIN ABDUL KADIR	PC133080
7	RAJA WASEEM ANWAR	PC123062
8	SAID KHALFAN SAID AL-WAHAIBI	PCS163047

4.1.7 FAKULTI KEJURUTERAAN

NO	NAMA PELAJAR	NO MATRIK
1	MAHESAN NAIDU A/L SUBRAMANIAM	PLP163020

Makluman : Semua

4.2 FAKULTI ALAM BINA DAN UKUR

Mesyuarat telah memperakukan pelantikan pemeriksa tesis pelajar Doktor Falsafah bagi fakulti seperti berikut:

NO	NAMA PELAJAR	NO MATRIK
1	CHUA AI JIUN	PG123006
2	MIMI DIANA BINTI GHAZALI	PG133010
3	ROSELAN BIN NAYAN	PB123012

- 4.2.1 Pelajar Lim Jing Jing (PB123026) fakulti perlu mencari Penilai Dalam dan Penilai luar yang baharu.

Tindakan : FABU

4.3 FAKULTI SAINS

Mesyuarat telah memperakukan pelantikan pemeriksa tesis pelajar Doktor Falsafah bagi fakulti seperti berikut:

NO	NAMA PELAJAR	NO MATRIK
1	AIDA RASYIDAH BINTI AZMAN	PLP163019
2	AMIRA FADINA BINTI AHMAD FADZIL	PSC163049
3	LIM JIA QI	PSC163050
4	NUR IDAYU BINTI AH KHALILUDIN	PSC163039
5	NUR IDAYU BINTI ALIMON	PSC173008

Makluman : Semua

4.4 FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN

Mesyuarat telah memperakukan pelantikan pemeriksa tesis pelajar Doktor Falsafah bagi fakulti seperti berikut:

4.4.1 SEKOLAH PENDIDIKAN

NO	FAKULTI	NAMA PELAJAR	NOKP
1	SP	MUHAMMAD SANI ABDURRAHMAN	201709M10607
2	SP	MUHAMMAD NASIRU HASSAN	201801M10387

Makluman : Semua

4.5 RAZAK FAKULTI TEKNOLOGI DAN INFORMATIK (RFTI)

Mesyuarat telah memperakukan pelantikan pemeriksa tesis pelajar Doktor Falsafah bagi fakulti seperti berikut:

NO	NAMA PELAJAR	NO MATRIK
1	AHMAD ZAKI YOUSEF AL ABDALA	PAN153018
2	MOJGAN SHARIFI RAYENI	PF123009
3	SHAHRIR MOHAMMAD ZAKY	PFF153001
4	SITI ZAINAB IBRAHIM	PDP13001

Makluman : Semua

4.6 SEKOLAH PERNIAGAAN ANTARABANGSA AZMAN HASHIM (AHIBS)

Mesyuarat telah memperakukan pelantikan pemeriksa tesis pelajar Doktor Falsafah bagi fakulti seperti berikut:

NO	NAMA PELAJAR	NO MATRIK
1	ALANAZI AMER AHMAD KHALAF	PHA163062
2	HAMAD RAZA	PHA163016
3	SHAKIRAH BINTI NOOR AZLAN	PHA153016
4	SYED MUHAMMAD AHMAD HASSAN GILLANI	PHA163026

Makluman : Semua

4.7 MALAYSIA JAPAN INTERNATIONAL INSTITUTE OF TECHNOLOGY

Mesyuarat telah memperakukan pelantikan pemeriksa tesis pelajar Doktor Falsafah bagi fakulti seperti berikut:

NO	NAMA PELAJAR	NO MATRIK
1	EZZATUL IRRADAH ISMAIL	PMJ173009
2	NURULAQILLA BINTI KHAMIS	PMJ153036

Makluman : Semua

5.0 PELANTIKAN PEMERIKSA TESIS PELAJAR SARJANA (MSc) – NOTIS HANTAR TESIS (NHT)

5.1 FAKULTI KEJURUTERAAN

Mesyuarat telah memperakukan pelantikan pemeriksa tesis pelajar Sarjana bagi sekolah seperti berikut:

5.1.1 SEKOLAH KEJURUTERAAN BIOPERUBATAN & SAINS KESIHATAN

NO	NAMA PELAJAR	NO MATRIK
1	MOHAMED ASIK BIN SHABICK	MMB183011
2	SITI ADAWIYAH BINTI ZULKEFLI	MMB183013
3	SRIMATHI A/P SUBRAMANIAM	MMB183008
4	YVONNE KHOR YEE WOON	MMB183014

5.1.2 SEKOLAH KEJURUTERAAN KIMIA & KEJURUTERAAN TENAGA

NO	NAMA PELAJAR	NO MATRIK
1	KUGAN KUMAR AMBEHABATI	MKK173023
2	NUR AINA FARHANA BINTI MAT NASIR	MKK173030
3	NUR AISYAH BINTI JAMALUDIN	MKK153044
4	PANG CHIEN HAN	MKK163024

5.1.3 SEKOLAH KOMPUTERAN

NO	NAMA PELAJAR	NO MATRIK
1	DEVI WILLIEAM ANGGARA	MCS183011

5.1.4 FAKULTI KEJURUTERAAN

NO	NAMA PELAJAR	NO MATRIK
1	NOR ASIKIN BINTI AWANG	MLP163004

Makluman : Semua

5.2 FAKULTI ALAM BINA DAN UKUR

Mesyuarat telah memperakukan pelantikan pemeriksa tesis pelajar Sarjana bagi fakulti seperti berikut:

NO	NAMA PELAJAR	NO MATRIK
1	MUHAMMAD HANIFAH BIN MAZLAN	MGH163009
2	MUHAMMAD NUR SYOLLEHIN BIN ABDUL RAHIM	MBE163008
3	NOR FADZILLAH BINTI HARON	MGH183010
4	NUR JEHAN BINTI JAFFAR	MGH163011
5	NUR NAJWA SYAZWANI BINTI MOHAMAD FAIRUS	MGH163003
6	NYANASEGARI A/P BHOO PATHY	MGH153036

Makluman : Semua

5.3 FAKULTI SAINS

Mesyuarat telah memperakukan pelantikan pemeriksa tesis pelajar Sarjana bagi fakulti seperti berikut:

NO	NAMA PELAJAR	NO MATRIK
1	MOHAMED REDZUAN BIN ABBAS	MMB173008

Makluman : Semua

5.4 FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN

Mesyuarat telah memperakukan pelantikan pemeriksa tesis pelajar Sarjana bagi sekolah seperti berikut:

5.4.1 SEKOLAH PENDIDIKAN

NO	NAMA PELAJAR	NO MATRIK
1	AHMAD FUAD BIN SEMAN	MPP183020
2	AMIR FAISAL BIN NOOR YAKIM	MPP183023
3	MOHAMAD ARIFFIN B ABU BAKAR	MPP183003
4	NORSYAFATIN BINTI SALIM	MPP183021
5	NUR HIDAYAH BINTI MOHAMAD ROZAI	MPP183022

5.4.2 PROGRAM CASIS

NO	NAMA PELAJAR	NO MATRIK
1	YOGI THEO RINALDI	MLP163003

Makluman : Semua

5.5 MALAYSIA JAPAN INTERNATIONAL INSTITUTE OF TECHNOLOGY

Mesyuarat telah memperakukan pelantikan pemeriksa tesis pelajar Sarjana bagi fakulti seperti berikut:

NO	NAMA PELAJAR	NO MATRIK
1	SHAHIRAH BINTI SHUDIRMAN	MMJ173037

Makluman : Semua

6.0 PERMOHONAN PELANJUTAN NOTIS HANTAR TESIS

Mesyuarat telah bersetuju untuk meluluskan permohonan Pelanjutan Notis Hantar Tesis seperti berikut:

- 7.1 NORAZURA BINTI MIZAL AZZMI (PKA153002) SKA
- 7.2 NAZIRAH BINTI OTHMAN (PKE153006) SKE
- 7.3 ALAN CHONG KIM WING (PG123004) FABU
- 7.4 TAN ANG SEE (PG123005) FABU

Makluman : Semua

7.0 PERMOHONAN PELANJUTAN NOTIS HANTAR TESIS DAN PELANTIKAN PANEL PEMERIKSA/PENGERUSI BAHARU

Mesyuarat telah bersetuju untuk meluluskan permohonan Pelanjutan Notis Hantar Tesis dan Pelantikan Panel Pemeriksa/Pengerusi Baharu seperti berikut:

- 8.1 JAMAL AIMI BIN JAMALUDIN (PB133031) FABU
- 8.2 NIK NOOR AIEN BINTI MOHAMED ABDUL GHANI (PSC143036) FS

- 8.3 SITI HUSNAA BINTI MOHD TAIB (PMJ153037) MJIIT
8.4 NORHAFIZA BINTI KAMARUDIN (MMJ163006) MJIIT

Makluman : Semua

8.0 PERMOHONAN PELANTIKAN PANEL PEMERIKSA/PENGERUSI BAHARU

Mesyuarat telah bersetuju untuk meluluskan Pelantikan Panel Pemeriksa/Pengerusi Baharu seperti berikut:

- 9.1 AMIR HARIZ BIN AMRAN (MKA173003) SKA
9.2 MARK RUBEN ANAK UPOM (MKA173010) SKA
9.3 MUHAMMAD DANIAL BIN ABU HASAN (PKM163002) SKM
9.4 GAMAL ABDEL NASSIR AWAD ALI MOHAMED (PC173023) SK
9.5 MOHAMMAD AWWAD MOHAMMAD ALNAGDAWI (PCS153033) SK
9.6 MARIAH MASYKURAH BINTI AB HADI (MBE173005) FABU
9.7 ISMAIL YA'U ABUBAKAR (PL133013) CASIS
9.8 MOHD EFFENDI BIN AMRAN (ERS172005) RFTI
9.9 TAN CHONG YEAM (MMJ173010) MJIIT
9.10 ALI JAFARI (PE113135) SKE
9.11 LAI YEE QING (PKK173006) SKT
9.12 NUR AISYAH BINTI JAMALUDIN (MKK153044) SKT
9.13 CHUKWUEKEZIE CHRISTIAN SUNDAY (PM113081) SKM
9.14 NURHANNA BINTI MOHD ZAIDAN (PM113131) SKM

Makluman : Semua

9.0 PERMOHONAN PELANJUTAN TEMPOH PEMBETULAN TESIS

Mesyuarat telah bersetuju meluluskan Permohonan Pelanjutan Tempoh Pembetulan Tesis seperti berikut:

	Nama Pelajar	Tarikh Akhir
9.1	ANUPONG SUKPRASERT (PC103307) SK	22/03/2020
9.2	JAMILAH BINTI MAHMOOD (PC133017) SK	28/03/2020
9.3	MUHAMMAD ALIIF BIN AHMAD (PC133034) SK	28/03/2020
9.4	JASRENA BINTI ROHANAPI (MCS153032) SK	22/03/2020
9.5	JACLINE SUDAH ANAK SINPANG (MCS153020) SK	25/03/2020
9.6	NAJAH BINTI MOHD NASIR (MCS153009) SK	10/03/2020
9.7	MOHAMMED TAHER AHMED AL-ASHWAL (PLP163009) FE	30/03/2020
9.8	NORBAITI BINTI TUKIMAN (PS103230) FS	03/05/2020
9.9	MISBAHA JILANI (MQ133011) FS	18/03/2020
9.10	MOHAMAD AINUDDIN WAHIDIN (MSC173017) FS	12/03/2020
9.11	MUHAMMED GAMBO ABDULLAHI (PBE143013) FABU	02/09/2020
9.12	ANDRIANI MUHAMMAD AMIN SAPPE (PP103277) SP	29/06/2020
9.13	MUSTAFA OMAR M. BAEUO (PN133038) RFTI	12/09/2020
9.14	HARITH BIN MD NASIR (MAN143004) RFTI	Bawa ke JKTS utk GAGAL kan pelajar
9.15	HENDRIKUS KADANG (PH113076) AHIBSJB	20/03/2020
9.16	MOHD ASMU'I BIN MOHD AKIL (PS113111) SPS	01/03/2020

Makluman : Semua

10.0 PERMOHONAN PELANJUTAN TESIS BERJILID

Mesyuarat telah bersetuju meluluskan Permohonan Pelanjutan Tesis berjilid seperti berikut:

	Nama Pelajar	Tarikh Akhir
10.1	HANIM BINTI SAIM (MMB163026) SKBSK	01/03/2020
10.2	ATEF SALEM MEFTAH SOUF ALJEN (PM133008) SKM	28/02/2020
10.3	AZMAN BIN JAMALUDIN (MKM143003) SKM	28/02/2020
10.4	MERLINDA WIBOWO (MCS153038) SK	28/02/2020
10.5	CHONG JIA CHERNG (PS123065) FS	28/02/2020

Makluman : Semua

11.0 PERMOHONAN PENGECCUALIAN/PENGURANGAN YURAN

11.1 Rayuan Pengeccualian Yuran Pelajaran Bagi Peringkat Doktor Falsafah

Mesyuarat telah bersetuju untuk meluluskan permohonan rayuan untuk pengecualian yuran pelajaran peringkat Doktor Falsafah bagi semester pengajian yang dinyatakan untuk staf UTM seperti berikut:

BIL	NAMA	NO MATRIK	CADANGAN KEPUTUSAN MESYUARAT
1	Sulaiman Bin Ngadiran	PKK 153026	Diluluskan rayuan pengecualian yuran pengajian semester 1- 2019/2020

Makluman : Semua

11.2 Pengeccualian Yuran Pelajaran Bagi Peringkat Sarjana Falsafah

Mesyuarat telah bersetuju untuk meluluskan permohonan pengecualian yuran pelajaran peringkat Sarjana bagi semester pengajian yang dinyatakan untuk staf UTM seperti berikut:

BIL	NAMA	NO MATRIK	CADANGAN KEPUTUSAN MESYUARAT
1	Siti Norasyiqin Binti Abdul Latif	MKK181030	Diluluskan pengecualian yuran pelajaran semester 2- 2019/2020
2	Nordziakon Bin Husnan	MCS171001	Diluluskan pengecualian yuran pelajaran semester 2- 2019/2020

Makluman : Semua

11.3 Pengurangan Yuran Pelajaran Bagi Anak /Pasangan Staf

Mesyuarat telah bersetuju untuk meluluskan permohonan pengurangan yuran pelajaran bagi Anak/ Pasangan Staf bagi semester pengajian yang dinyatakan untuk staf UTM seperti berikut:

BIL	NAMA	NO MATRIK	CADANGAN KEPUTUSAN MESYUARAT
1	Abdul Hafiz Bin Razali	MKE173006	Diluluskan pengurangan yuran pelajaran semester 2-2019/2020
2	Nur Hazirah Binti Che Ithnin	PKK183043	Diluluskan pengurangan yuran pelajaran semester 2-2019/2020
3	Azizul Bin Mohd Suhaini @ Othman	MKK173028	Diluluskan pengurangan yuran pelajaran semester 2-2019/2020
4	Muhammad Nur Fadhli B Minhat	PGH193014	Diluluskan pengurangan yuran pelajaran semester 2-2019/2020
5	Wan Abdul Rahman Bin Wan Ibrisam Fikry	MIC183031	Diluluskan pengurangan yuran pelajaran semester 2-2019/2020
6	Sarah Nur Ain Binti Khaidzir	PPP193025	Diluluskan pengurangan yuran pelajaran semester 2-2019/2020
7	Fauziah Binti Zaiden	PPP193032	Diluluskan pengurangan yuran pelajaran semester 2-2019/2020
8	Nor Amira Syairah Binti Zulkarnaini	PHM173002	Diluluskan pengurangan yuran pelajaran semester 2-2019/2020

Makluman : Semua

12.0 HAL-HAL LAIN

12.1 Pembentangan “Proposal Defense”

Dr. Mohamed Sukri bin Mat Ali, MJIIT memohon pengesahan bagi pelajar

[SPSUTM]B/ MinitMesyuarat [APSU Bil .6/ 2019/2020] 17/18

fast-track Sarjana adakah dibenarkan membuat proposal defense dalam masa 12 bulan.

Pengerusi memaklumkan bahawa sekiranya pelajar telah melepasi 2 kali *qualifying exam* pelajar perlu daftar semula dan membentangkan proposal. Jika fakulti tiada masalah dan pelajar fast track dibenarkan membentangkan proposal defense dalam tempoh 12 bulan. Ini terpakai mengikut kohot yang berdaftar bermula semester II 2019/2020.

Makluman : Semua

12.2 Persiapan SWAA Akreditasi Program Generik

Dr. Mohamed Sukri bin Mat Ali, MJIIT memohon kepastian bagi Audit SWAA Akreditasi bagi program generik, adakah pihak MJIIT akan melibatkan SPS atau diuruskan sendiri.

Pengerusi memaklumkan bahawa makluman dari pihak QRIM pihak MJIIT akan menguruskan audit itu sendiri. Walau bagaimanapun, pengerusi akan menyemak dahulu dengan pihak QRIM berkaitan ini, Satu bengkel bersama pihak QRIM berkaitan audit SWAA akan diadakan pada 3 Mac 2020.

Tindakan : Urus Setia SPS

12.3 Penangguhan Khas Pengajian Kerana Convid-19

Pn. Khairani bt Ibrahim, Timbalan Pendaftar ARO meminta persetujuan mesyuarat berkaitan penangguhan pengajian atas sebab virus Convid-19 agar boleh dipertimbangkan sebagai tangguh khas yang tidak dikira semesternya dan tangguh ini sebagai tangguh kes khas (kod 0) dan tidak dikira sebagai tempoh pengajian. Mesyuarat bersetuju untuk membenarkan penangguhan bagi kes ini dan pihak SPS akan mengeluarkan pekeliling berkaitannya.

Tindakan : Urus Setia SPS

13.0 PENUTUP

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.10 tengahari dengan bacaan Tasbih Kafarah dan Surah Al-Asr.

Disediakan oleh:

Semakan Pertama:

Semakan Kedua:

**PUAN NORALIZA BT
TASIRAN**

Setiausaha Pejabat
Sekolah Pengajian
Siswazah

CIK NORAZLINA BINTI AZIZI

Penolong Pendaftar Bahagian
Program Khas & Pesisir
Sekolah Pengajian Siswazah

**EN. MOHD ZAIRES BIN MD
DARIS**

Timbalan Pendaftar
Sekolah Pengajian Siswazah